

LATIHAN PENCEGAHAN KEBAKARAN TABIKA PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3277-latihan-pencegahan-kebakaran-tabika-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 03 April 18 – TABIKA Pangkalan Udara Gong Kedak telah mengadakan Latihan Pencegahan Kebakaran yang telah diadakan di TABIKA Pangkalan. Seramai 10 guru dan 80 kanak-kanak TABIKA Pangkalan Udara Gong Kedak telah mengikuti satu sesi latihan mencegah kebakaran oleh Fleet Bomba Pangkalan yang diketuai oleh FSjn Nor Amin bin Niaamat.

Pada peringkat permulaan, satu taklimat kebakaran telah disampaikan oleh anggota Bomba iaitu Sjn U Mohamad Yani bin Abu Bakar kepada pengurusan, guru-guru dan kanak-kanak TABIKA. Dalam latihan tersebut, turut diadakan simulasi kebakaran bagi memberi pendedahan dan gambaran yang jelas situasi ketika berlakunya kebakaran disamping menilai tahap kecekapan guru-guru dalam mengendalikan alat pemadam api serta tindakan yang perlu dilakukan semasa berlakunya kebakaran. Latihan ini juga diadakan sebagai salah satu sesi Pengajaran dan Pembelajaran di dalam dan diluar bilik darjah kanak-kanak TABIKA bagaimana tindakan sebelum, ketika dan selepas kebakaran.

Turut hadir dalam sesi tersebut Pegawai Pendidikan Pangkalan, Mej Nariza binti Abdullah dan Penyelia Pendidikan Pangkalan Ssjn Mohd Faizo bin Aziz.



